

kekecohan dalam mesyuarat2 Bahagian

Oleh MD NOH SENAN

KUALA LUMPUR, Isnin — Timbalan Presiden UMNO Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad merangkap Pengerusi Jawatankuasa Disiplin UMNO Malaysia, diminta menimbangkan peraturan-peraturan baru tertentu untuk mengelakkan kekecohan yang berlaku dalam mesyuarat perwakilan bahagian.

Inilah antara beberapa keputusan yang diambil dalam mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO Malaysia (MT) dipengerusikan oleh Presiden UMNO Malaysia, Datuk Hussein Onn, di sini, malam tadi.

MT UMNO juga memutuskan, semua ahli UMNO Bahagian dan Cawangan yang mempunyai perselisihan faham dan kekecohan dalam mesyuarat perwakilan masing-masing tidak dibenarkan membawa perkara itu ke mahkamah.

Setiausaha Agung UMNO Malaysia, Senator Datuk Haji Mustapha Jabar memberitahu di sini hari ini:

"Tindakan itu diambil kerana dalam Perlembagaan UMNO telah mempunyai cukup kuasa bagi menyelesaikan perselisihan faham, terutama perkara yang berbangkit di atas tafsiran yang diberikan oleh MT adalah muktamad, seperti yang tercait di bawah Fasal 36 pecahan 1."

Katanya, Perlembagaan UMNO di bawah Fasal 24 juga menegaskan betapa pentingnya disiplin yang patut dipatuhi oleh setiap ahli UMNO.

Kata Senator Datuk Haji Mustapha, MT tidak memandang sepi terhadap soal perselisihan faham dan kekecohan itu walaupun ia merupakan satu amalan demokrasi.

Beliau memberitahu, Ibu pejabat UMNO Malaysia mengeluarkan arahan MT itu hari ini kepada semua 114 bahagian di Semenanjung Malaysia dan semua setiausaha bahagian akan menyampaikan keputusan itu kepada cawangan masing-masing.

Senator Datuk Haji Mustapha juga berkata, MT yang bersidang malam tadi sehingga 12.40 tengahmalam, antara lain membincangkan soal kekecohan dalam mesyuarat perwakilan Bahagian UMNO dan Bahagian Pemuda UMNO.

Bahagian-bahagian yang terlibat ialah Tanjung (Pulau Pinang), Kulim/Bandar Baru, Bahagian Dungun, Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Temerloh dan Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Ulu Langat.

Keputusan-keputusan yang dibuat oleh MT

berhubung dengan perkara-perkara tersebut ialah:

● **MENGGANTUNG** UMNO Bahagian Dungun mengikut Perlembagaan UMNO di bawah Fasal 2 pecahan 16 kerana tempoh ketua dan ahli jawatankuasa bahagian sekarang telah tamat dan ia juga gagal mengadakan mesyuarat perwakilan seperti yang dikehendaki oleh Perlembagaan. Berikutan itu, Menteri Besar Trengganu, Datuk Haji Wan Mokhtar Ahmad merangkap Ketua UMNO Perhubungan Negeri, dilantik oleh MT sebagai ketua pentadbir bahagian sehingga satu masa yang ditentukan kelak oleh MT.

● **MENGESAHKAN** mesyuarat UMNO Bahagian Tanjung setelah ditimbang dan dikaji dengan sedalam-dalamnya. (Dalam sidang perwakilan bahagian itu telah berlaku kekecohan bila sebahagian dari perwakilan meninggalkan dewan kerana menganggap mesyuarat itu tidak mengikut perlembagaan parti).

● **MENGESAHKAN** mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Kulim-Bandar Baru. Bagaimanapun, oleh kerana ada bantahan dari satu pihak lain maka MT telah bersetuju menfalsafkan siasatan di atas tuduhan-tuduhan yang munasabah. MT telah melantik Encik Abdul Ahmad, yang menjadi wakil dan pemerhati di mesyuarat perwakilan itu dulu, sebagai Pegawai Penyiasat.

● **MENGESAHKAN** mesyuarat perwakilan Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Temerloh 31 Mei lalu setelah menimbangkan bantahan oleh bekas Ketua Pemuda bahagian tersebut, Encik Bahari bin Tan Sri Yahya.

● **T I D A K** mengesahkan mesyuarat perwakilan Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Ulu Langat kerana bertentangan dengan Perlembagaan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia Fasal 16 pecahan 4 dan Fasal 15 pecahan 6G. Oleh yang demikian, Pemuda UMNO bahagian tersebut akan diarah mengadakan satu mesyuarat lain memilih ketua dan ahli jawatankuasa.

No. Siri 11, 35
No. Penerbitan 3